

**SOALAN NO: 34**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN: LISAN**

**DARIPADA: Y.B. DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD**

**TARIKH: 4 NOVEMBER 2014**

**SOALAN:**

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [ Kota Raja ] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan jumlah pencarum PERKESO yang terkini, caruman bulanan yang dikumpulkan serta jumlah bayaran ilat dan saraan kepada pencarum yang dikeluarkan setiap bulan. Apakah jumlah dana PERKESO sekarang?**

**PR-1323-L65241**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, Bilangan pekerja / pencarum aktif PERKESO sehingga Ogos 2014 adalah 5.71 juta orang. Manakala caruman yang dikumpulkan sehingga Ogos 2014 adalah berjumlah RM1,754.47 juta.
  
2. Jumlah bayaran ilat dan saraan kepada pencarum yang dikeluarkan sehingga 31 Ogos 2014 adalah seperti berikut:-

i. Faedah Hilang Upaya Sementara	RM109.08 juta
ii. Faedah Hilang Upaya Kekal	RM294.69 juta
iii. Faedah Orang Tanggungan	RM165.46 juta
iv. Pencen dan Bantuan Ilat	RM326.28 juta
v. Pencen Penakat	RM549.95 juta
vi. Elaun Layan Sentiasa	RM24.26 juta

Tuan Yang Di Pertua,

3. Sehingga Ogos 2014, dana PERKESO adalah berjumlah  
RM22,778,121,286.87